

CIRI-CIRI ASAS KEDIAMAN PPA1M

HARGA JUALAN SEKITAR

RM90,000 - RM300,00

20-30% Rendah Daripada Harga Pasaran

KELUASAN

850 - 1,500 Kaki Persegi



HUBUNGI

UNIT PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1 MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 4, BLOK PODIUM, MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62652 PUTRAJAYA

☎ 03 8880 5118

✉ 03 8880 5119

✉ ppa1m@jpm.gov.my

🌐 www.ppa1m.gov.my

PPA1M
PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1 MALAYSIA



OBJEKTIF









PROGRAM PPA1M
MERUPAKAN SATU INISIATIF KERAJAAN
BAGI MEMBANTU
**PENJAWAT AWAM MEMILIKI
RUMAH MAMPU MILIK**
YANG BERKUALITI DI LOKASI YANG STRATEGIK PADA
**HARGA YANG KURANG
DARIPADA HARGA PASARAN**

PERMOHONAN TERBUKA KEPADA ANGGOTA



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN



-  Semua penjawat awam warganegara Malaysia boleh memohon, termasuk kontrak atau telah bersara.
-  Semua penjawat awam boleh memohon, sama ada yang telah atau belum memiliki rumah. Tawaran akan diutamakan kepada pemohon yang belum memiliki rumah.
-  Semua penjawat awam boleh memohon, tanpa mengambil kira pendapatan bulanan. Tawaran akan diutamakan kepada pemohon yang berpendapatan bulanan di bawah RM10,000 (gaji pokok individu sahaja).
-  Semua penjawat awam boleh memohon mana-mana projek PPA1M. Tawaran akan diutamakan kepada pemohon yang bekerja di kawasan berdekatan lokasi projek PPA1M yang dipohon.
-  Pemohon tidak diisytihar muflis.
-  Pemohon boleh memohon lebih daripada satu projek PPA1M. Jika berjaya, hanya satu rumah PPA1M sahaja yang akan ditawarkan bagi satu isi rumah.
-  Pemohon boleh memohon projek PPA1M dalam tempoh iklan projek tersebut dibuka sahaja.
-  Moratorium selama 10 tahun akan dikenakan yang mana rumah PPA1M yang dibeli tidak boleh dipindah milik atau dijual tanpa kebenaran Kerajaan kecuali kepada waris terdekat seperti suami/isteri atau anak.

PROSES PERMOHONAN



-  **PENDAFTARAN**
Daftar akaun anda di www.ppa1m.gov.my dan kata laluan akan dihantar ke e-mel dan SMS
-  **PELANCARAN**
Lihat pelancaran projek-projek terbaru di laman web PPA1M
-  **PERMOHONAN**
Log masuk di apps.ppa1m.gov.my untuk memohon
-  **PEMILIHAN PROJEK**
Pilih projek PPA1M dan jenis rumah berdasarkan kelayakan pembiayaan kewangan anda
-  **PENGUNDIAN/PEMILIHAN**
Pengundian /pemilihan pembeli akan dilaksanakan mengikut kaedah yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan dan Penawaran PPA1M
-  **PENAWARAN**
Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel, SMS dan paparan di laman web PPA1M
-  **PERJANJIAN JUAL BELI**
Bayaran deposit sebanyak 2% daripada harga rumah hendaklah disediakan semasa menandatangani Perjanjian Jual Beli
-  **PEMBIAYAAN**
Pembiayaan menggunakan pinjaman Kerajaan atau bank / institusi kewangan hendaklah mendapat kelulusan dalam tempoh 2 bulan selepas menandatangani Perjanjian Jual Beli
-  **PENYERAHAN KUNCI**
Sebaik sahaja perakuan rumah siap diperolehi dan semua dokumen lengkap ditandatangani, kunci dan rumah anda akan diserahkan secara rasmi